

# BULETIN



**MPI** *Maktab Bervisi Informasi Terkini*

*Bil 7/2005 Tarikh 30/8/2005*

*Seulas Bicara Secarik Rasa  
Daripada Timbalan Pengarah*

Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera.

Bulan Ogos merupakan bulan yang menjadi sejarah kepada rakyat Malaysia. Sepanjang bulan ini, seluruh rakyat menghayati erti kemerdekaan dan menunjukkan kecintaan dan taat setianya kepada negara selaras dengan sambutan kemerdekaan yang bertemakan 'Keranamu Malaysia'.

Kemerdekaan adalah titik kejayaan yang paling besar ertinya untuk sesebuah negara. Bukan sahaja negara merdeka daripada penjajah, malah minda kita juga perlu bebas daripada dijajah oleh pemikiran negatif.

Dengan itu, saya ingin mengingatkan seluruh warga MPI agar dapat merenung sejenak tema perbarisan hari kebangsaan pada 31 Ogos 2005 iaitu 'Pendidikan Teras Pembangunan Insan'. Mesej ini jelas mahukan setiap rakyat Malaysia meningkatkan keupayaan diri dengan menguasai ilmu. Justeru, pelajar perlulah menyediakan diri supaya lebih kompetatif dan dinamik bagi menghadapi cabaran global yang jauh berbeza jika dibandingkan dengan cabaran yang dihadapi puluhan tahun lalu. Kita hendaklah menggandakan pencapaian dan kejayaan walaupun berdepan dengan apa jua cabaran.

Marilah kita sama-sama belajar bukan saja daripada kegagalan yang dilalui, malah lebih penting lagi belajar daripada kejayaan yang dikecapi. Dalam persaingan dunia sekarang, amat penting bagi kita tanpa mengira usia dan latar belakang melengkap dan memperkasakan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan.

'Selamat Hari Merdeka'

Ikhlas Daripada;  
Haji Sasman bin Haji Yasir  
Timbalan Pengarah MPI

## *Sidang Redaksi*

### Pengerusi

Puan Faridah Hashim

### Ketua Editor

Puan Zarina Ahmad

### Editor

Puan Zawiah Mohamed  
Cik Hameeda Begum Wahidullah Khan  
Encik Afandi Husain  
Ustazah Normazidah Mahmood  
Puan Normala Hj Jamaluddin  
Encik Mohd. Radzi Karim

### Pemberita

Siti Mariam Mhd Yusof (PISMP 1.04)  
Rosyati Mohd Rofee (PISMP 1.04)

## **Selamat Hari Jadi**

### OGOS

Ust. Mohd. Shahiruddin b. Amir - 1/8  
Pn. Faridah bt Hashim - 6/8  
Ustz. Kelsom bt Abdullah - 8/8  
Pn. Che Yang bt Kassim - 10/8  
Pn. Fazida bt Hj. Othman - 14/8  
Ustz. Fatimah bt Yahaya - 16/8

Semoga Panjang umur dan dimurahkan rezeki

**SELAMAT DATANG KE MPI**  
Rasidah binti Dato' Hj. Omar- Jabatan Ilmu Pendidikan  
Wan Ziraiza binti Wan Ismail - Jabatan Ilmu Pendidikan  
Surayah binti Zaidon - Jabatan Bahasa

## ***Hari Keluarga HELWI***

Pada 12 Ogos 2005, HELWI telah menganjurkan satu sambutan Hari Keluarga HELWI bersama seluruh warga aspuri untuk meraikan kedatangan pelajar-pelajar PISMP yang baru. Pelbagai aktiviti dijalankan untuk mengukuhkan dan mengeratkan hubungan silaturrahim antara pelajar PISMP semester 1 dan 3. Aktiviti tersebut berlangsung selama lebih kurang tiga jam bermula dari pukul 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

## ***Pameran Buku***

Satu pameran dan jualan buku telah diadakan di Pusat Sumber Al-Ghazali pada 8 hingga 11 Ogos 2005. Pameran ini bermula dari pukul 8.30 pagi hingga 4.30 petang. Pelbagai jenis buku dipamerkan termasuklah buku akademik, buku keagamaan, ensiklopedia, novel dan lain-lain lagi.

## **PIDATO MAJU 2005**

Pertandingan Pidato Sempena Pengisytiharan Selangor Maju telah berlangsung pada 20 Ogos 2005 di Politeknik Shah Alam. Peserta terdiri daripada pelajar-pelajar IPTA/IPTS seluruh negeri Selangor. Peserta Maktab Perguruan Islam, Mohd. Hafiz b. Md. Saad (KDPM Semester 6) telah berjaya menduduki tempat kedua dalam pertandingan tersebut dan memperoleh RM750, piala dan sijil sebagai hadiah kemenangan. Tahniah diucapkan kepada Mohd. Hafiz dan pensyarah-pensyarah Jabatan Pengajian Melayu yang telah berusaha bersungguh-sungguh bagi mencapai kejayaan tersebut.

Semoga terus berjaya pada masa akan datang.

## **PROJEK PENANAMAN BUNGA**

Semua pelajar PISMP ambil Julai 2004 dan Julai 2005 telah terlibat dalam projek penanaman bunga di sepanjang jalan kawasan maktab pada 10 Ogos 2005 jam 5.15 petang hingga 6.30 petang. Para pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan untuk melaksanakan tugas yang diberikan. Tujuan projek ini dijalankan adalah untuk mencantikkan kawasan maktab. Penyelaras bagi projek ini ialah Encik S. Kunaraja a/l Sita Raman.

## **ENGLISH LANGUAGE PROFICIENCY TEST**

Pada hari Isnin bertarikh 14 Ogos 2005, semua pelajar PISMP Semester 1 telah menduduki peperiksaan Bahasa Inggeris di bawah kendalian pihak Bahagian Pendidikan Guru. Peperiksaan ini telah berlangsung selama 2 jam 30 minit yang bermula pada pukul 9.00 pagi dan berakhir pada pukul 11.30 pagi. Ujian ini diadakan untuk menguji tahap kemahiran dan penguasaan bahasa Inggeris para pelajar. Ujian ini dilakukan di bilik kuliah masing-masing dan diawasi oleh beberapa orang pensyarah dari Jabatan Bahasa Inggeris.

## **UJIAN AMALI PENDIDIKAN JASMANI**

Pada 17 hingga 18 Ogos 2005, satu Ujian Amali Pendidikan Jasmani telah dijalankan untuk pelajar-pelajar PISMP Semester 3 iaitu Kuliah 3.01. Ujian yang dijalankan ini adalah untuk menilai kemahiran para pelajar berkenaan beberapa aspek dalam kecergasan, olahraga, permainan padang dan permainan gelanggang. Penilai-penilai adalah terdiri daripada pensyarah maktab ini sendiri dan juga para pemantau dari Maktab Perguruan Keningau, Sabah serta Bahagian Pendidikan Guru. Ujian ini dijalankan di sekitar Kompleks Sukan Maktab Perguruan Islam.

## **Kursus `Public Speaking' Pensyarah**

Satu Kursus `Public Speaking' untuk para pensyarah Maktab Perguruan Islam telah diadakan pada 11 Ogos 2005 bertempat di Bilik SP3, Maktab Perguruan Islam. Kursus ini adalah anjuran bersama JK Latihan Pembangunan Staf Jabatan bahasa Inggeris. Antara objektif-objektif kursus ini adalah untuk memberi pendedahan mengenai sebutan perkataan bahasa Inggeris serta meningkatkan sikap positif dan kreatif pensyarah mengenai bahasa Inggeris. Penceramah yang terlibat ialah Puan Rahimah Packeer Mohamed dan Puan Norainin Ghazali.

## **Minggu Bahasa Arab**

Persatuan Bahasa Arab telah mengadakan satu program iaitu Minggu Bahasa Arab bermula pada 14 hingga 18 Ogos 2005. Aktiviti ini dianjurkan oleh pelajar-pelajar Bahasa Arab KSPK dengan kerjasama Jabatan Bahasa Arab. Tujuan program ini dijalankan adalah untuk meningkatkan penguasaan bahasa Arab. Program ini melibatkan semua pelajar PISMP dan KSPK. Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang Minggu Bahasa Arab ini. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah pertandingan kuiz, syair, pidato dan lain-lain lagi. Pameran buku dan juga jualan makanan turut diadakan. Majlis penutup dirasmikan oleh Tuan Haji Suib bin Haji Arshad.

## **BENKEL BANK ITEM**

Pada 18 dan 19 Ogos 2005, Kursus Bank Item telah diadakan di Makmal Komputer 3, Maktab Perguruan Islam. Kursus telah disampaikan oleh Ustaz Mohd. Shahiruddin Amir, Puan Siti Norkiah Dolah, Ustaz Sabri Ahmad Zabidi dan penceramah jemputan, Ustaz Yusof bin Alias dari Maktab Perguruan Perlis.

Kursus berjalan lancar dan dapat memberi banyak manfaat kepada pensyarah yang menghadiri bengkel tersebut.

Syabas SUP!!

Berfikir sebelum bertindak adalah baik, merancang tindakan adalah lebih baik tetapi melaksanakannya adalah yang terbaik.

Z'na